


K • A • P • S • U • L PENGUNA



EDISI 3 2022 | MEI-JUN DITERBITKAN 30 JUN 2022 |

f t i y KPDNHEP

Jelajah Program Jualan Malaysia Bersama ETS KTMB



M/S 2:

**PELANCARAN LOGO BARANG SUBSIDI
DAN BARANG KAWALAN**

M/S 4-5:

**KENAIKAN HARGA BARANG,
APA JALAN PENYELESAIAN?**

M/S 10:

**KURANGKAN SUBSIDI PUKAL
ATASI KETIRISAN**

KPDNHEP MENGAMBIL TINDAKAN YANG PERLU BAGI MEMASTIKAN BEKALAN PETROL RON 95 MENCUKUPI DI SELURUH NEGARA

PUTRAJAYA, Mei 2022 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengambil maklum aduan dan rungutan orang ramai berhubung isu bekalan petrol RON 95 yang terjejas di beberapa kawasan di seluruh Negara seperti dilaporkan baru-baru ini. Pihak KPDNHEP telah menjangkakan akan berlaku peningkatan jumlah kenderaan yang luar biasa di jalan raya sepanjang musim perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun ini ekoran proses peralihan Negara ke fasa endemik dan pembukaan sempadan Negara yang membolehkan Keluarga Malaysia pulang ke kampung halaman masing-masing.

Bagi menghadapi sebarang kemungkinan dan memastikan bekalan bahan api kenderaan sentiasa mencukupi di stesen minyak seluruh Negara, KPDNHEP telah mengambil tindakan awal dengan mengadakan sesi libat urus bersama Persatuan Pengusaha Stesen Minyak (PDAM) bagi memastikan semua pengusaha stesen minyak berada dalam keadaan siap siaga sepanjang musim perayaan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

Selain itu, pihak Kementerian juga telah mengambil langkah sewajarnya dengan membenarkan semua stesen minyak di seluruh Negara untuk menambah had kuantiti simpanan terutamanya bagi petrol RON 95 bagi memastikan bekalan petrol RON 95 mencukupi musim perayaan ini. Berdasarkan Garis Panduan Pelesenan Barang-Barang Kawalan Berjadual (CSA), kadar had kuantiti ini ditentukan menerusi surat sokongan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang menyatakan had kuantiti simpanan yang sesuai bagi produk petroleum, diesel dan LPG. Justeru, setiap stesen minyak mempunyai kadar had kuantiti simpanan yang berbeza, tertakluk kepada luas premis dan sistem simpanan tangki bawah tanah (UGT) masing-masing.

Antara faktor yang telah dikenalpasti menyumbang kepada berlakunya kekurangan bekalan petrol RON 95 adalah peningkatan mendadak jumlah kenderaan yang menyumbang kepada meningkatnya permintaan petrol RON 95 di seluruh Negara. Selain itu, kelewatan kapal tangki yang membawa minyak untuk sampai di terminal di Bagan Luar, Pulau Pinang dan Kuantan, Pahang juga menyumbang kepada berlakunya isu ini selain kapasiti tangki simpanan di stesen-stesen minyak tertentu tidak mampu untuk menampung permintaan pengguna.

Bagi menangani segera isu ini, pihak Kementerian telah mengambil dua langkah penyelesaian jangka pendek dengan melaksanakan tindakan seperti berikut:

- Mendapatkan kerjasama daripada pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia untuk mempercepatkan proses pelepasan kapal-kapal minyak; dan
- Pemantauan berterusan pihak KPDNHEP supaya tidak berlaku penyelewengan ke atas bekalan bahan api kenderaan terutamanya petrol RON 95.

PELANCARAN LOGO BARANG SUBSIDI DAN BARANG KAWALAN



PUTRAJAYA, Mei 2022 – Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melancarkan Logo Barang Subsidi dan Barangan Kawalan pada Majlis Perhimpunan Bulanan Warga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Penggunaan Logo Barang Subsidi bertujuan supaya pengguna lebih maklum akan subsidi yang disediakan oleh Kerajaan untuk meringankan kos sara hidup golongan sasar. Manakala penggunaan **Logo Barang Kawalan pula bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada pengguna akan hak-hak pengguna khususnya hak ke atas barang kawalan yang dilindungi di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122].** Ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi membendung ketirisan dan penyalahgunaan barang-barang subsidi dan kawalan. Komoditi yang terlibat dalam projek rintis ini adalah Gula, Minyak Masak dan Tepung Gandum.

Pada hari ini juga diadakan jualan barangan keperluan asas (MyGrocer) di perkarangan Pejabat KPDNHEP Putrajaya. Program Outreach Sara Hidup melalui kerjasama strategik antara Majlis Tindakan Sara Hidup Negara bersama Kementerian Wilayah Persekutuan (MyGrocer) ini adalah merupakan satu inisiatif di bawah agenda kos sara hidup melalui penjualan barangan dapur harian pengguna tanpa penglibatan orang tengah dalam rantai pembekalan. Harga barangan yang dijual kepada pengguna adalah lebih rendah sebanyak 5% hingga 20% daripada harga pasaran.

LAWATAN KERJA KETUA SETIAUSAHA KPDNHEP KE KOMPLEKS IMIGRESEN, KASTAM DAN KUARANTIN (ICQ) PADANG BESAR, PERLIS



KANGAR, Mei 2022 – YBhg. Tuan Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengadakan lawatan kerja ke Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (ICQ) Padang Besar, Perlis. Turut hadir dalam lawatan kerja ini adalah YBrs. Tuan Shamsul Nizam bin Khalil, Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) KPDNHEP serta YBrs. Puan Norazah binti Jaapar, Pengarah KPDNHEP Perlis.

Tujuan lawatan kerja ini diadakan adalah bagi melihat sendiri situasi semasa di pintu sempadan Negara khususnya di sempadan Padang Besar ini serta mengeratkan kerjasama pihak KPDNHEP bersama agensi-agensi penguatkuasaan yang lain di ICQ Padang Besar khususnya pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) Negeri Perlis terutamanya dari aspek perdagangan berikutan pembukaan semula sempadan Negara bermula 1 April 2022.

Dalam lawatan kerja ini juga, antara isu yang dibincangkan adalah berkaitan isu aktiviti penyelewengan/penyeludupan barang kawalan bersubsidi melalui pintu sempadan Malaysia – Thailand menerusi sempadan Padang Besar khususnya melibatkan barangan kawalan dan bersubsidi seperti Gas Petroleum Cecair (LPG), Minyak Masak, bahan api Petrol dan Diesel, Gula dan Tepung Gandum.

Isu penyelewengan barang kawalan bersubsidi di sempadan antarabangsa Malaysia yang terdiri daripada Negara Thailand, Indonesia, Brunei dan Singapura merupakan salah satu perkara utama yang menjadi perhatian oleh pihak Kementerian.

Berdasarkan statistik penguatkuasaan oleh Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP pada tahun lalu bermula 1 Januari sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 714 kes telah dihasilkan melibatkan barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 melibatkan nilai rampasan berjumlah RM 6.60 juta. Daripada jumlah itu, sebanyak 250 kes telah dihasilkan hasil kerjasama Kementerian dengan agensi penguatkuasaan di sempadan, melibatkan aktiviti penyeludupan barang kawalan dan bersubsidi di pintu-pintu sempadan Negara di bawah Akta yang sama di seluruh Negara melibatkan nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM 5.18 juta.

Manakala bagi tahun 2022 bermula 1 Januari sehingga April 2022, sebanyak 94 kes penyeludupan barang kawalan dan bersubsidi di pintu-pintu sempadan Negara yang dihasilkan oleh pihak KPDNHEP bersama agensi penguatkuasaan lain di seluruh Negara melibatkan nilai rampasan berjumlah RM 7.88 juta di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

PELANGGAN SYARIKAT PENERBANGAN BOLEH TUNTUT PAMPASAN AKIBAT KELEWATAN - KPDNHEP

KUALA LUMPUR, Mei 2022 - Pelanggan syarikat penerbangan yang berdepan kelewatan berhak menuntut pampasan tertakluk kepada beberapa faktor bagi meneruskan perjalanan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata berdasarkan maklumat diperoleh daripada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM), pampasan itu bergantung kepada punca penundaan atau pembatalan yang berlaku. Katanya, ia merangkumi makanan, panggilan telefon dan akses internet bagi penangguhan selama dua jam atau lebih, penginapan hotel dan pengangkutan untuk penangguhan selama lima jam atau lebih, pembayaran balik secara penuh atau penerbangan alternatif sekiranya penerbangan dibatalkan.

"Bagaimanapun, satu-satunya pengecualian pampasan patut diberikan apabila berlaku keadaan luar biasa yang mendatangkan risiko keselamatan atau cuaca ekstrim yang mana syarikat penerbangan tidak dapat menjangkakannya.

Justeru, sekiranya pengguna perkhidmatan penerbangan berpendapat tidak mendapat pampasan sewajarnya, boleh kemukakan aduan rasmi kepada syarikat penerbangan sebelum menghubungi MAVCOM," katanya dalam satu ciapan di Twitternya.

Alexander berkata, beliau mengambil maklum mengenai rungutan, aduan dan keluhan disuarakan oleh pengguna berhubung kelewatan penerbangan syarikat itu membabitkan pelbagai destinasi dalam negara.

"Pihak Kementerian akan terus menjalankan siasatan daripada sisi kepentingan pengguna, selain bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan bagi merungkai permasalahan ini demi memastikan ia tidak berlanjutan dan berulang," katanya.

KPDNHEP SAMBUT BAIK SARANAN YAB PERDANA MENTERI MENYELESAIKAN ISU HARGA DAN BEKALAN AYAM

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyambut baik saranan dan solusi yang telah dikemukakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob dalam menangani isu bekalan dan harga ayam.

Melalui mesyuarat Kabinet yang telah diadakan, Kerajaan telah bersetuju untuk mengambil beberapa tindakan jangka pendek dan panjang bagi mengatasi masalah dan isu barangan, kepenggunaan dan harga barang yang telah memberikan kesan kepada Keluarga Malaysia.

KPDNHEP bersedia bekerjasama dengan mana-mana Kementerian dan agensi yang berkaitan untuk bersama-sama mencari dan melaksanakan tindakan penyelesaian bagi merealisasikan saranan yang telah dikemukakan oleh YAB Perdana Menteri.

Ini termasuklah mengguna pakai undang-undang yang tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian ini bagi memastikan kebajikan pengguna dan peniaga dijaga.

Menyentuh mengenai laporan bahawa wujud kartel yang mengawal harga dan pengeluaran ayam, berdasarkan punca kuasa yang telah diperuntukkan kepada pihak Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) melalui Akta Persaingan 2010, pihak MyCC telah menubuhkan pasukan khas pada awal Februari 2022 untuk menyiasat dakwaan terdapatnya pelakuan anti-persaingan merangkumi perjanjian anti-persaingan atau/ dan penyalahgunaan kedudukan dominan dalam pasaran yang boleh meningkatkan harga-harga barangan dalam pasaran industri ayam





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

Kami Bertindak

**LANGKAH KERAJAAN DALAM MENANGANI
ISU BEKALAN & HARGA AYAM
(PENDEKATAN JANGKA MASA PENDEK)**

- 🕒 **MENGHENTIKAN EKSPORT AYAM BERMULA 1 JUN 2022**
- 🕒 **MEWUJUDKAN STOK PENIMBAL AYAM DAN MENOPTIMUMKAN FASILITI PENYIMPANAN BILIK SEJUK**
- 🕒 **MEMANSUHKAN APPROVED PERMIT(AP) AYAM**
- 🕒 **MEMPERMUDAHKAN PROSES TUNTUTAN SUBSIDI OLEH PENGELUAR AYAM**
- 🕒 **MENAMBAH DAN MENGIKTIRAF LOJI SEMBELIHAN DI LUAR NEGARA**



Sumber: Kenyataan Media YAB Perdana Menteri | 23 Mei 2022

 KPDNHEP

Dalam hal ini, pihak MyCC telah memulakan penyiasatan terhadap kesemua pemain industri ayam di seluruh Malaysia dari peringkat hulu hingga hilir.

Aktiviti penyiasatan ini dijangka akan tamat pada akhir Jun 2022 dan penemuan daripada penyiasatan ini akan dibentangkan kepada Anggota-anggota Suruhanjaya yang bertindak sebagai sebuah badan separa kehakiman yang mempunyai kuasa memutuskan sama ada terdapat pelanggaran terhadap Seksyen 4.

Sekiranya didapati tuduhan kartel itu mempunyai asas yang kuat, maka pihak MyCC dijangka mengeluarkan Keputusan Cadangan, di bawah Seksyen 36 Akta yang sama. Kemudiannya, pihak yang disiasat itu akan diberi ruang untuk mempertahankan diri mereka melalui sesi representasi bertulis dan lisan sebelum Suruhanjaya membuat keputusan muktamad.

Jika mereka didapati melanggar Seksyen itu, mereka boleh dikenakan penalti kewangan sehingga 10% dari jualan produk atau perkhidmatan mereka selama mana pelanggaran itu berlaku.

Saya juga ingin menegaskan bahawa Kenyataan sahnya wujud kartel sepertimana yang dilaporkan oleh Sinar Harian semalam adalah tidak tepat sama sekali kerana kes ini masih disiasat dan belum dapat dibuktikan lagi.

Berkaitan Penguatkuasaan Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) yang membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap mana-mana individu dan syarikat yang menyorok, menyimpan atau melakukan unsur-unsur sabotaj terhadap bekalan ayam, KPDNHEP melalui Bahagian Penguat Kuasa memberi jaminan akan menjalankan siasatan sekiranya wujud elemen-elemen pelanggaran terhadap akta ini di semua rantaian bekalan dan peruncitan.

Akta ini juga akan digunapakai terhadap mana-mana penjual yang mengenakan syarat dan menjual harga barangan kawalan melebihi harga yang ditetapkan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

Kami Bertindak

**LANGKAH KERAJAAN DALAM MENANGANI
ISU BEKALAN & HARGA AYAM
(PENDEKATAN JANGKA PANJANG)**



- ➔ Menjalankan siasatan melalui MYCC (Suruhanjaya Persaingan Malaysia) dan mengambil **tindakan undang-undang** terhadap syarikat besar yang mewujudkan **kesepakatan kartel ayam**.
- ➔ Memperkenalkan semula **Jihad Memerangi Orang Tengah** yang diketuai oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan(NAFAS)
- ➔ Mengadakan kerjasama antara Kerajaan Negeri, Agensi Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan(GLC) untuk menyediakan tanah Lesen Kependudukan Sementara (TOL) bagi **projek penanaman jagung**.
- ➔ Menyediakan **bantuan** kepada GLC, Agensi Kerajaan, Pertubuhan Peladang dan Koperasi yang terlibat dalam **penternakan ayam**.

Sumber: Kenyataan Media YAB Perdana Menteri | 23 Mei 2022

 KPDNHEP

KENAIKAN HARGA BARANGAN : APA JALAN PENYELESAIAN?



Harus diakui rakyat dalam keadaan risau, resah dan gelisah. Kenaikan harga barang yang melonjak secara mendadak pasti sahaja mengganggu emosi dan kestabilan hidup, perbelanjaan yang semakin meningkat, pasti sahaja tidak lagi sama bajet yang diperuntukkan setiap bulan seperti sebelum kenaikan sebelum ini berlaku.

Paling terkesan tentulah rakyat dari golongan B40, kenaikan harga barang, ramai sudah rakyat B40 yang terkesan. Barangan keperluan harian seperti telur, sardin, ikan, ayam, daging, sayur-sayuran, minyak masak, gandum dan bermacam lagi melambung bagaikan tiada pihak yang mampu mengawalinya menyebabkan bukan hanya rakyat B40 yang merana, tetapi mereka dari golongan M40 juga sedang merasai keperitan hidup.

Hari ini, kalau pergi ke pasar, dengan wang RM100, tidak penuh plastik barang keperluan harian yang mampu dibeli. Dengan kata lain, RM100 cukup untuk dua kali masak sahaja dan itu pun jika keluarga tersebut tidak besar. Bayangkan kalau keluarga B40 itu mempunyai 4 anak, tentu saja perbelanjaan dapur RM100 itu tidak cukup.

Itu baru kos untuk isi perut anak-anak di rumah. Belum masuk lagi soal perbelanjaan harian untuk persekolahan anak-anak, belum lagi dikira kos petrol, tol, bil elektrik, bil air, bayaran bulan kenderaan mahupun kos sewa rumah, perubatan dan sebagainya.

Masalah sama juga berlaku dalam sektor pertanian, pembuatan dan perkilangan. Harga racun dan baja untuk pertanian sekarang ini melonjak hampir 100 peratus. Harga besi untuk sektor pembuatan lagi teruk iaitu naik melebihi 200 peratus.

Jadi siapa mahu bertanggungjawab dalam semua masalah ini?

Berikut adalah temubual eksklusif YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di dalam slot Eksklusif BERNAMA Radio pada 9 Jun 2022, jam 4.15 petang di bawah topik Kenaikan Harga Barangan : Apa Jalan Penyelesaian?

1. Bagaimana Datuk Seri melihat krisis kenaikan harga barangan yang berlaku di Malaysia ketika ini terutama berkaitan isu ayam?

- * Malaysia adalah negara pedagang dan banyak bergantung kepada bekalan import
- * Sebarang perubahan di peringkat global memberi kesan kepada Malaysia
- * Trend sama dapat dilihat di negara lain yang turut terkesan disebabkan faktor luaran seperti Forex dan sekatan eksport

- **Krisis Bekalan Ayam**
 - * Bekalan ayam sebenarnya memenuhi kadar sara diri (SSL)
 - * Di peringkat negara ketika ini adalah **104%** : negara ada margin stok penimbal sebanyak **4%** bagi menampung permintaan luar biasa khususnya musim perayaan
 - * Masalah ayam : **bekalan dan harga**
 - * **Bekalan :**
 - ⇒Tiada masalah ketara di Sabah dan Sarawak. Lebih tertumpu di Semenanjung dan beberapa negeri seperti Selangor
 - ⇒Hasil maklum balas penternak, bekalan dikatakan tidak seperti sediakala disebabkan faktor cuaca, kesihatan ayam dan sebagainya.
 - * **Harga :**
 - ⇒ Kenaikan harga disebabkan peningkatan kos ternakan terutamanya kos harga makanan ternakan yang meningkat di peringkat global.
 - ⇒ Kekurangan tenaga buruh
- 2. **Perdana Menteri, Datuk Ismail Sabri berkata kerajaan tidak lagi akan memberi subsidi kepada penternak ayam sebaliknya ia akan disalurkan secara langsung kepada rakyat yang dianggap lebih memerlukan. Boleh Datuk perincikan hal ini?**
 - * Skim Kawalan Harga ayam dan telur patut berakhir pada 5 Jun lalu
 - * Namun Kerajaan memutuskan untuk skim kawalan diteruskan sehingga 30 Jun demi kepentingan orang ramai
 - * Menjelang 1 Julai, seperti dimaklumkan oleh YAB Perdana Menteri, tiada lagi subsidi diberikan kepada penternak.
 - * Sebaliknya Kerajaan melalui MOF akan menyalurkan bantuan secara langsung kepada golongan sasaran
 - * Perincian dan mekanisme penyaluran akan diumumkan oleh MOF

3. Bagaimana penguatkuasaan Penentuan Harga Maksimum (PHM) bagi ayam dan telur. 5. Usaha sama KPDNHEP dan MAFI dalam memastikan rantaian makanan akan sentiasa Adakah penguatkuasaan ini secara tak langsung membantu pengguna untuk mendapatkan berterusan untuk masa akan datang?

bekalan makanan tanpa kerisauan berlakunya kenaikan harga?

* Kaedah Penentuan Harga Maksimum

Mempunyai **3 proses utama** yaitu:

- 1) Sesi **libat urus** bersama kementerian/agensi/pemain industri
- 2) Teliti **input** daripada semua pihak sebelum menentukan harga maksimum.
- 3) Harga maksimum dimaklumkan kepada pihak berkaitan dan **diwartakan** untuk pelaksanaan.

* **Penkuatkuasaan**

- 2,200 pegawai penguat kuasa menjalankan pemantauan di seluruh negara bagi memastikan kepatuhan skim kawalan harga.
- Sekiranya wujud pelanggaran, peruntukan akta berkaitan seperti **AKHAP 2011** akan digunakan terhadap peniaga.
- Sepatutnya skim kawalan harga boleh membantu pengguna untuk mendapatkan barang pada harga berpatutan.
- Justeru, orang ramai harus memanfaatkan hak pengguna untuk menyalurkan maklumat menerusi 6 saluran yang disediakan kementerian jika terdapat sebarang ketidakpatuhan.

* Justeru, rantaian kesan di peringkat global, pengaruh faktor luaran dan gangguan rantaian bekalan domestik bukan bersifat selama-selamanya dan boleh berubah.

4. Inflasi makanan Malaysia dijangka kekal dalam aliran meningkat pada bulan-bulan akan datang berikutan kenaikan harga komoditi global, gangguan rantai bekalan domestik serta penyusutan ringgit. Komen Datuk?

* Kenyataan ini adalah berdasarkan unjuran setakat minggu ke-3 Mei 2022.

* Harus diingat bahawa perubahan di peringkat global seperti ini adalah 'fluid' atau berubah mengikut peredaran semasa.

* Contohnya, perang Ukraine-Russia mula menampakkan tanda perkembangan positif apabila Moscow memberikan jaminan untuk memudahkan eksport barang makanan dan bijirin dari Ukraine. Ini telah menyaksikan penurunan harga bijirin di peringkat global

* Berhubung penyusutan ringgit, Bank Negara Malaysia (BNM) mula menggerakkan langkah pengukuhan fiskal, termasuk menyemak semula OPR.

* Langkah jangka pendek

- Benarkan import ayam bulat dari pelbagai negara pengeluar, tertakluk kepada pengesahan halal oleh JAKIM dan MAQIS.
- Hentikan eksport 3.6 juta ekor ayam sebulan buat sementara waktu sehingga bekalan pulih seperti sedia kala.
- Membuka AP kepada semua pihak bagi memastikan kemasukan bekalan makanan yang mencukupi untuk menampung permintaan domestik.
- Melaksanakan Program Jualan Malaysia dan Program Jualan Keluarga Malaysia.

* **Langkah jangka panjang**

- Mengurangkan ketergantungan bekal makanan menerusi import.
- Menghasilkan sendiri stok makanan seperti daging lembu dan beras.
- Kita juga dalam proses menghasilkan sendiri makanan ternakan seperti bijirin untuk ayam.

6. Jaminan yang Datuk boleh kongsi kepada pendengar mengenai situasi ketika ini, lebih lagi menjelang perayaan Aidiladha tidak lama lagi?

* Situasi kekurangan bekalan makanan sebelum ini berlaku kerana musim perayaan yang bersilih ganti. Dari Aidilfitri - Pesta Kaamatan - Hari Gawai.

* Malah, rakyat Malaysia sudah lebih 2 tahun tidak dapat meraikan perayaan kerana PKP yang dilaksanakan di seluruh negara.

* Bagi Aidiladha, kita menjangkakan kekurangan bekalan makanan tidak berlaku disebabkan tiada perayaan lain yang disambut dalam tempoh terdekat.

* Bagaimanapun, libat urus sudah dijalankan bagi memastikan bekalan adalah mencukupi untuk kegunaan orang ramai.

* Libat urus antara lain merangkumi pemain industri/kementerian/agensi.

* Di KPDNHEP, kebiasaannya skim kawalan harga akan dilaksanakan pada musim perayaan.

**BAGAIMANAKAH
KPDNHEP MEMANTAU HARGA
BARANGAN DI PASARAN?**

01

Pemeriksaan dan pemantauan oleh **Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP** secara menyeluruh di semua premis kawasan luar bandar dan bandar

02

Pegawai Pemantau Harga yang menjalankan pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara

03

Rakan KPDNHEP sebagai mata dan telinga Kementerian bagi melaporkan isu berkaitan harga

04

Penglibatan Kerajaan Negeri, Agensi Kerajaan lain, Penghulu dan Penggawa dalam menyalurkan maklumat kenaikan harga barang

05

Sesi Libat Urus bersama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan agensi di bawahnya seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Perikanan Malaysia, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bagi memastikan keberadaan bekalan dan kestabilan harga di pasaran

PERLUASAN DIGITALISASI PERUNCITAN (REDI) DAN PROGRAM JUALAN MALAYSIA (PJM) PESTA KAAMATAN MERANCAKKAN SEMULA SEKTOR PERUNCITAN NEGERI SABAH

SANDAKAN, Mei 2022 – Yang Berhormat **Dato Sri Alexander Nanta Linggi**, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menyempurnakan Majlis Pelancaran dua program utama Kementerian iaitu Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (**Retail Digitalisation Initiative – ReDI**) **Peringkat Negeri Sabah** dan **Program Jualan Malaysia (PJM) – “Rancak Pesta Kaamatan”**.

Pelancaran ReDI dan PJM Kaamatan ini adalah sebahagian dari **pelaksanaan inisiatif pengembangan sektor perniagaan yang menjadi teras utama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)**. Program ReDI telah Berjaya dilaksanakan di Putrajaya, Hulu Terengganu, Kapit Sarawak, Pulau Pangkor, Labuan dengan **3,512 peniaga telah beralih ke medium digital** dan kini ianya diperluaskan di Sandakan dengan menyasarkan **Sejati Walk sebagai Cashless Mall** pertama di Sabah. Sebagai makluman, 1,925 pengguna telah menerima voucher daripada syarikat penyedia e-Wallet di empat (4) lokasi pelancaran inisiatif ReDi ini.

Manakala, PJM Segmen Perayaan Tahun 2022 kini diperluaskan setelah pelaksanaan PJM Tahun Baru Cina di Kuala Lumpur, “Rancak Aidilfitri” di Nilai, Negeri Sembilan, “Rancak Hari Gawai” di Kapit, Sarawak dan **“Rancak Pesta Kaamatan” di Sandakan, Sabah** yang merupakan kesinambungan segmen perayaan ini dalam memastikan rakyat dapat berbelanja dengan jualan murah sepanjang tahun dalam keadaan selamat.



Sumber Foto: Unit Komunikasi Korporat KPDNHEP

Selain itu, bagi menyokong pelaksanaan ReDI dan PJM yang dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah serta Majlis Perbadanan Sandakan (MPS) ini, Kementerian bersetuju untuk menyalurkan peruntukan sebanyak **RM38,500** bagi melaksanakan program insentif baru kepada peniaga dan pengguna secara tanpa tunai di Sandakan.

Manakala, pihak swasta melalui **ShopeePay** dan **99SpeedMart** juga berbesar hati menyumbangkan sebanyak **350 unit safety kits** dan **700 kotak makanan** yang keseluruhannya berjumlah **RM53,000** kepada peniaga-peniaga di Sejati Walk dan kumpulan sasar yang terlibat di sekitar Sandakan.

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM HARI INDUSTRI JUALAN LANGSUNG MALAYSIA DAN PELANCARAN PELAN HALA TUJU INDUSTRI JUALAN LANGSUNG (2021 – 2025)

KUALA LUMPUR, Mei 2022 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama *Direct Selling Association of Malaysia* (DSAM) dan *Malaysian Direct Distribution Association* (MDDA) menganjurkan Program Hari Industri Jualan Langsung Malaysia di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. Program yang berlangsung selama 3 hari dari 27 hingga 29 Mei telah dirasmikan oleh YB Dato’ Rosol bin Wahid, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Program Hari Industri Jualan Langsung Malaysia yang julung kali diadakan ini merupakan inisiatif baharu yang menyasarkan kepada usaha untuk mengembangkan industri jualan langsung dan memberikan pendedahan yang lebih meluas mengenai aktiviti perniagaan jualan langsung yang sah di Malaysia seterusnya meningkatkan penglibatan lebih banyak pihak untuk menceburkan diri dalam industri ini yang mampu menjana sumber pendapatan.

Dengan bertemakan Khazanah Alam Jualan Langsung, program ini melibatkan 22 syarikat jualan langsung daripada DSAM dan MDDA bagi mempromosi potensi perniagaan kepada orang ramai serta kelebihan produk jualan langsung. Aktiviti seperti sesi *pitching* dan pepadanan, sesi konsultasi, sesi ceramah, kempen advokasi dan *pocket talk* oleh KPDNHEP, DSAM, MDDA dan wakil syarikat jualan langsung merupakan antara pengisian program utama bagi mendedahkan masyarakat mengenai konsep perniagaan jualan langsung yang sah dan wajar diterokai kerana mampu menyumbang kepada perkembangan sosioekonomi negara.

Pada majlis perasmian tersebut, KPDNHEP turut melancarkan Pelan Hala Tuju Industri Jualan Langsung (2021 – 2025) di mana ia merupakan *blueprint* yang akan menterjemah hala tuju industri jualan langsung pada masa hadapan. Dokumen ini telah digarap berdasarkan kepentingan semua pihak yang terlibat di dalam industri ini bagi menjayakannya ke arah pewujudan ekosistem perniagaan yang lebih kondusif dan dinamik serta mampu berkembang lebih jauh bukan sahaja di peringkat domestik tetapi sehingga ke peringkat global.

Walaupun dilihat berlakunya kejatuhan ekonomi dunia disebabkan pandemik Covid-19, industri jualan langsung negara telah membuktikan pertumbuhan memberangsangkan hingga berkembang menjadi satu industri besar yang menyumbang kepada ekonomi negara dan mencapai nilai jualan RM25.7 bilion bagi tahun kewangan berakhir tahun 2020. Malaysia kini berada pada kedudukan ketujuh (ke-7) di peringkat global dan tempat keempat (ke-4) di Asia Pasifik dari segi rekod nilai jualan dalam Laporan Jualan Peruncitan Jualan Langsung Global 2020 yang dikeluarkan oleh Persekutuan Persatuan Jualan Langsung Dunia atau *World Federation of Direct Selling Associations* (WFDSA).

KPDNHEP bersama-sama rakan strategik lain akan meneruskan usaha untuk meningkatkan syarikat jualan langsung yang mempunyai lesen yang sah daripada Kementerian di samping merencanakan pelbagai inisiatif bagi memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai potensi perniagaan jualan langsung.

PROGRAM JELAJAH FRANCAIS BAY (PJFB) 2022 KINI DIPERLUASKAN KE NEGERI JOHOR DAN ZON SELATAN DENGAN SASARAN 30 POTENSI FRANCAISI BERNILAI RM7.5JUTA



Sumber Foto: Unit Komunikasi Korporat KPDNHEP

Johor Bahru, 11 Jun 2022 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Persatuan Francais Malaysia (MFA) kini memperluaskan Program Jelajah Franchise Bay (PJFB) 2022 ke Negeri Johor dan Zon Selatan di Pusat Beli-belah Angsana Mall, Johor Bahru, Johor.

Ini merupakan platform yang dibangunkan oleh Kerajaan untuk para usahawan yang baru menceburkan diri dalam bisnis mahupun usahawan yang hendak mengembangkan bisnis sedia ada bagi mempromosikan bisnis mereka yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan seterusnya menyumbang kepada usaha-usaha Kerajaan dalam memulihkan dan mengukuhkan ekonomi negara.

PJFB di Johor Bahru ini merupakan siri yang kedua daripada siri Jelajah Francais Bay bagi tahun 2022. Sebanyak 24 syarikat francais telah terlibat dalam sesi pameran dan *business matching*. Pameran ini juga bertujuan memberi pendedahan tentang sistem-sistem perniagaan francais yang telah wujud di negara ini serta pakej-pakej latihan dan pembiayaan yang disediakan oleh Kerajaan kepada bakal-bakal usahawan francais.

Akhir sekali, Kerajaan menggalakkan para usahawan untuk merebut peluang yang disediakan dari segi program latihan dan pembiayaan dalam menerokai bisnis francais ini. Sebarang pertanyaan boleh merujuk kepada pautan www.mfa.org.my dan sila lawat pautan myfexv2.kpdnhep.gov.my untuk pendaftaran.

E-PEMBAYARAN: STRATEGI PERNIAGAAN BERKESAN

Oleh Rozilah Hamdan, AKPK



5. Memudahkan Peniaga Membuat Kira-Kira


Transaksi pembayaran dalam talian membolehkan maklumat pembelian dan harga jualan direkod secara automatik ke dalam sistem. Ini akan memudahkan peniaga untuk membuat kira-kira hasil jualan, untung rugi, dan juga menjejak aliran tunai perniagaan pada satu-satu masa.

Komen daripada PENIAGA yang telah menggunakan e-pembayaran dalam perniagaan:

"Transaksi juga sangat efektif sebab bayaran memang boleh masuk terus ke dalam akaun saya apabila pengguna hanya mengimbas kod bar gerai saya," (Sinar Harian, 2020)

"Ramai yang sudah jadikan kaedah ini sebagai cara untuk membuat bayaran," (Sinar Harian, 2020)

"Mereka hanya perlu semak dan imbas kod produk menggunakan telefon masing-masing dan tidak perlu bawa wang tunai terlalu banyak," (Sinar Harian, 2020)



Pernahkah anda mendengar luahan pelanggan seperti di atas? Pembayaran dalam talian merupakan kaedah pembayaran yang semakin diterima pakai oleh setiap pengguna pada masa kini.

Sistem e-pembayaran merupakan kaedah melakukan transaksi barangan dan perkhidmatan melalui sistem pembayaran elektronik atau sistem pembayaran dalam talian (Jurnal Ringgit, 2019). Kaedah ini bukan sahaja memudahkan pengguna, malah ia lebih selamat untuk digunakan dalam urusan jual beli. Kini, perniagaan yang tidak menggunakan saluran elektronik sebagai salah satu kaedah pembayaran dalam urusan jual beli akan dianggap ketinggalan dan berpotensi untuk kehilangan pelanggan. Oleh itu, peniaga perlu ambil tahu, faedah penggunaan saluran elektronik ini kerana ia amat penting demi kelestarian perniagaan mereka.

5 Faedah E-Pembayaran dalam Perniagaan:

1. Transaksi Pembayaran Segera

Semua urusan jual beli dapat dilaksanakan dengan lebih pantas berbanding dengan kaedah pembayaran konvensional. Transaksi pembayaran boleh dilakukan di mana-mana sahaja dengan menggunakan peranti berinternet.

2. Tidak Perlu Beratur Panjang

Salah satu sebab utama pelanggan membatalkan niat mereka untuk membeli produk anda adalah apabila mereka perlu beratur panjang untuk membuat pembayaran. Transaksi pembayaran dalam talian akan memudahkan pelanggan untuk membuat pembelian yang mudah, cepat, dan selesai tanpa perlu berebut-rebut.

3. Proses Pembayaran yang Lebih Selamat

Membawa wang tunai dalam jumlah yang banyak akan mendedahkan pelanggan kepada risiko kecurian. Pembayaran dengan menggunakan wang digital adalah lebih selamat berbanding wang tunai kerana setiap transaksi e-pembayaran dilengkapi dengan pelbagai ciri keselamatan seperti Kod Pengaktifan Transaksi (TAC), Kata Laluan, dan sebagainya.

4. Menggunakan Teknologi Terkini

Mengikuti peralihan teknologi menjadi keutamaan dalam mengembangkan perniagaan. Secara purata, setiap individu di Malaysia membuat sebanyak 170 transaksi e-pembayaran dalam setahun pada tahun 2020 berbanding dengan 50 transaksi pada tahun 2019 (Jurnal Ringgit, 2019). Peningkatan ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia lebih suka menggunakan pembayaran dalam talian untuk membuat transaksi jual beli.

"Rasa selamat sikit kalau duit tidak banyak di kaunter kerana kita tidak tahu apa akan jadi, kawasan ini jika jam 9 malam ke atas sedikit sunyi, boleh jadi sasaran penjenayah," (Berita Harian, 2020)

Komen daripada PELANGGAN yang telah menggunakan e-pembayaran:

"Saya suka kaedah ini sebab selalunya kalau nak guna kad kredit atau kad debit kita kena pergi pasar raya atau kedai makan yang besar-besar tetapi sekarang di gerai pun kita boleh gunakan kaedah pembayaran tanpa wang tunai," (Sinar Harian, 2020)

"Bagi urusan beli barang atau makan, jika kedai itu terima kad debit atau e-wallet saya akan gunakan," (Berita Harian, 2020)

"Sejak mula guna kad debit empat atau lima tahun lalu dan e-wallet kira-kira setahun lalu, dalam poket saya paling banyak ada antara RM50 hingga RM100 sahaja, itu pun untuk kecemasan." (Berita Harian, 2020)

Oleh itu, kaedah e-pembayaran bukan hanya memudahkan pengguna, malah lebih selamat serta membantu mengembangkan perniagaan yang dimiliki. Untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya, anda perlu berani membuat perubahan, bersifat dinamik dan sentiasa mencari peluang untuk meningkatkan prestasi perniagaan anda.

Bertindaklah sekarang agar perniagaan anda terus berkembang maju. Usahawan yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang e-pembayaran, contoh aplikasi atau platform, kelebihan serta manfaat menggunakannya dalam perniagaan, boleh mengikuti modul 'Digitalisasi Perniagaan Melalui E-Pembayaran' di AKPK. Untuk membuat tempahan bagi mengikuti webinar ini, sila layari <https://obs.akpk.org.my/>.



KPDNHEP REKOD 1,773 KES SELEWENG BARANG KEPERLUAN, RAMPASAN RM27.23 JUTA



Sumber Foto: Unit Komunikasi Korporat KPDNHEP

BUKIT MERTAJAM: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merekodkan 1,773 kes dengan nilai rampasan RM27.23 juta membabitkan pelbagai kesalahan penyelewengan barang kawalan dan subsidi sejak 2018 hingga Mei lalu.

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP, Azman Adam, berkata pihaknya sentiasa mengambil tindakan pantas termasuk intipan dan pemeriksaan secara berkala bagi membendung penyelewengan barangan kawalan ke negara sempadan.

Katanya, hasil tindakan berterusan pihaknya memerangi penyelewengan barangan kawalan dan bersubsidi sepanjang tempoh itu merekodkan sebanyak 367 kes membabitkan minyak masak, 197 kes (tepung gandum), 322 kes (petrol), 301 kes (diesel) dan 586 kes gas petroleum cecair.

"Penyelewengan barang kawalan bersubsidi di sempadan antarabangsa negara antara perkara penting yang menjadi perhatian KPDNHEP kerana kami tidak mahu subsidi yang sepatutnya etdinikmati rakyat kita turut diguna pakai pihak lain dalam mengaut keuntungan.

"KPDNHEP juga sentiasa serius membendung kegiatan penyelewengan barang kawalan subsidi kerana ia juga menjadi penyumbang utama kepada ketirisan subsidi dan gangguan bekalan barang kawalan di pasaran ketika ini," katanya selepas mengetahui operasi pemeriksaan bekalan barang keperluan harian di peringkat borong dan runcit di premis perniagaan Taman Industri Cherok Tokun sempena Kempen Anti Sorok Barang Kawalan, hari ini.

Azman berkata, KPDNHEP memberi amaran kepada mana-mana individu dan syarikat supaya tidak terbabit atau bersubahat melakukan aktiviti penyelewengan serta menyorok barang kawalan atau subsidi bagi mengelak dikenakan tindakan tegas.

Sementara itu, katanya, sebanyak 13 aduan berkaitan barang kawalan disorok diterima KPDNHEP di seluruh negara sejak awal Januari hingga semalam dan ia impak positif daripada pengguna serta peniaga susulan Kempen Anti Sorok Barang Kawalan yang dilaksanakan ketika ini.

"Bagaimanapun jumlah kes daripada 13 aduan itu tidak dapat ditentukan sepenuhnya kerana hasil risikan lanjut mendapati, ada kes berlaku di lokasi berbeza daripada aduan diterima.

"Susulan itu, apabila kita (pengguna) nak aduan kita disiasat cepat dan berkesan, kami di KPDNHEP memerlukan data lengkap, sebagai contoh alamat serta barang disorok bagi membolehkan kami membuat siasatan segera," katanya.

Beliau juga meminta bantuan masyarakat menjadi 'mata' dan 'telinga' kepada KPDNHEP dengan memberi kerjasama jika mempunyai sebarang maklumat berhubung aktiviti penyelewengan dan menyorok barang kawalan serta subsidi bagi memastikan aktiviti haram ini dapat dibanteras sehingga akar umbi. – **BERNAMA**



Sumber Foto: KPDNHEP

KPDNHEP RAMPAS KASUT TIRUAN BERNILAI RM87,979

IPOH – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak merampas 1,245 kasut tiruan jenama terkenal bernilai RM87,979 dalam serbuan di sebuah premis di pusat beli belah terkenal di Jalan Sultan Abdul Jalil di sini, semalam.

Pengarah KPDNHEP Perak, Saifullizan Kamarul Zaman berkata, serbuan pada pukul 10.30 pagi itu dijalankan hasil maklumat yang diterima daripada wakil pemilik cap dagang berkaitan penjualan kasut wanita dan kanak-kanak jenama terkenal.

Katanya, ketika serbuan, seorang lelaki iaitu pemilik premis berusia 51 tahun dan seorang pekerja wanita berusia 38 tahun berada di tempat kejadian.

"Pemeriksaan dijalankan bersama pemilik perniagaan dan pengadu di mana kita mendapati terdapat sejumlah kasut wanita dan kanak-kanak perempuan pelbagai corak, saiz dan warna berjenama terkenal yang disyaki menggunakan cap dagangan berdaftar.

"Pengecaman awal pengadu juga mengesahkan bahawa kesemua produk tersebut tiruan berdasarkan ciri-ciri yang ada pada barangan berkenaan," katanya dalam kenyataannya di sini hari ini.

Menurut beliau, hasil pemeriksaan itu, pihaknya merampas 1,245 pasang kasut, 800 unit plastik beg menggunakan label bertanda jenama terkenal dan 800 unit pelekat jenama terkenal bersama beberapa dokumen perniagaan.

Katanya, nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM87,979 selain menahan pekerja dan pemilik perniagaan bagi membantu siasatan.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019 iaitu mana-mana orang yang mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalannya bagi maksud perdagangan atau pengilangan apa-apa barang suatu cap dagangan berdaftar dipakaikan dengan salah," katanya.

Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Azman Adam berkata kesalahan yang dikesan adalah membabitkan kegagalan mematuhi keperluan tanda harga dan menjual barang kawalan melebihi harga maksimum.

"Penguatkuasaan ke atas pelaksanaan SHMMP-HRP 2022 ini akan diteruskan di seluruh negara sehingga tamat tempoh pelaksanaan skim pada 10 Mei 2022. Di samping itu, penentuan harga maksimum ayam dan telur akan terus berkuat kuasa sehingga 5 Jun 2022," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Azman berkata tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim tersebut.

Beliau berkata keputusan kerajaan melalui KPDNHEP memanjangkan penguatkuasaan SHMMP-HRP 2022 dari 26 April hingga 10 Mei depan dari tarikh asal 6 Mei 2022 amat tepat kerana ia membolehkan seluruh Keluarga Malaysia berbilang kaum meneruskan tradisi kunjung-mengunjung dan rumah terbuka dalam suasana harmoni dan riang ria tetapi selamat.

Katanya setelah dua tahun Aidilfitri dirayakan dalam keadaan tertutup dan terhad kalangan keluarga terdekat sahaja kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sambutan Aidilfitri tahun ini memberi makna yang besar dan berbeza kerana saudara-mara dan sahabat handai saling kunjung-mengunjung dalam pelbagai majlis rumah terbuka yang meriah tetapi tetap mematuhi tatacara operasi piawai (SOP).



Sumber Foto: Unit Komunikasi Korporat KPDNHEP

PUTRAJAYA, 5 MEI: Sebanyak 6,702 premis perniagaan di peringkat borong dan runcit telah diperiksa sejak pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2022 (SHMMP-HRP 2022) dari 26 April hingga 4 Mei lepas dan mendapati 10 kes telah melanggar perundangan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011).

OPS PANTAU: KPDNHEP RAMPAS BARANGAN LEBIH RM13.32 JUTA

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah memeriksa 279,251 premis di seluruh negara, dan membuka 3,992 kertas siasatan atas pelbagai kesalahan dengan nilai rampasan berjumlah RM13.32 juta melalui Ops Pantau.

Menterinya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata jumlah itu adalah bagi pencapaian tahun 2022, berdasarkan statistik sehingga Mac dan sebanyak 6,706 aduan telah diterima dengan 89.61 peratus aduan berjaya diselesaikan.

"Berdasarkan daripada data melalui Ops Pantau ini bagi tempoh sama, KPDNHEP telah mengeluarkan kompaun lebih RM1.66 juta dan denda lebih RM41 ribu, kepada peniaga atas pelbagai kesalahan," katanya ketika berucap pada majlis Kenduri Terbuka Raya Sektor Perdagangan Dalam Negeri Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di sini malam ini.

Ops Pantau adalah untuk memastikan keberadaan bekalan barang yang menjadi tumpuan pengguna pada Hari Raya Aidilfitri mencukupi dengan harga yang munasabah tanpa unsur pencatutan.

Dalam pada itu, beliau berkata pihaknya telah menggerakkan susun kerja dalam memastikan agenda digitalisasi yang menjadi objektif utama sektor peruncitan.

"Tumpuan utama kementerian adalah keperluan bagi peniaga di peringkat mikro dan kecil dapat menerima serta menggunakan teknologi pembayaran secara e-tunai.

"Pendekatan secara tanpa wang tunai ini merupakan wadah utama, kerana ia memberi manfaat kepada peniaga mikro dan kecil tambahan pula dengan situasi pandemik pada masa ini, yang mengalakkan transaksi tanpa tunai," katanya.

Sementara itu, beliau berkata pihaknya masih lagi mengkaji penetapan harga siling bagi penjualan ayam mentah dan Skim Kawalan Harga Maksimum yang bermula dari 5 Feb hingga 5 Jun ini.



Sumber Foto: Unit Komunikasi Korporat KPDNHEP

KPDNHEP KUALA LUMPUR RAMPAS BARANGAN TIRUAN BERNILAI LEBIH RM1 JUTA

KUALA LUMPUR, 20 MEI: Sebanyak 43,929 barangan tiruan pelbagai jenama bernilai RM1,072,750 disita di empat stor di sebuah pusat pemborong terkemuka di Jalan Kenanga di sini dalam operasi membanteras penjualan barang tiruan, Selasa lepas.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Kuala Lumpur (KPDNHEP KL) Ariffin Samsudin berkata seorang lelaki dan seorang wanita tempatan yang merupakan pemilik serta pekerja stor turut ditahan dalam serbuan itu.

"Hasil maklumat mendapati pemilik premis itu menjual barangan tiruan secara dalam talian dan mereka juga mempunyai kedai borong yang hanya akan menjual kepada pelanggan tetap untuk mengelak barangan tersebut dihidu pihak berkuasa," katanya dalam sidang media di sini hari ini.

Beliau berkata kes itu disiasat mengikut Akta Cap Dagangan 2019 yang memperuntuk hukuman denda maksimum RM15,000 untuk setiap barangan bagi kesalahan pertama serta RM30,000 bagi setiap barangan untuk kesalahan kedua dan seterusnya.

Ariffin berkata pihaknya akan terus mempergiat aktiviti penguatkuasaan undang-undang harta intelek di bawah Akta Cap Dagangan 2019, Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Hak Cipta 1987 secara berterusan.

Katanya sejumlah 89 pegawai penguatkuasa KPDNHEP KL telah digerak untuk memantau harga barangan di semua premis perniagaan bagi memastikan harga jualan tidak melampau dan bekalan sentiasa mencukupi.

Beliau menasihati orang ramai supaya memb--uat aduan kepada KPDNHEP jika mendapati harga sesuatu barangan melambung tinggi bagi membolehkan tindakan lanjut diambil oleh pihak berkuasa.— BERNAMA



Ariffin Samsudin, Pengarah KPDNHEP Kuala Lumpur sedang menunjukkan barang-barang yang dipercayai tiruan hasil rampasan di sebuah pusat membeli belah terkemuka di Kuala Lumpur. Foto: Bernama



Sumber Foto: Unit Komunikasi Korporat KPDNHEP

SEMBILAN ADUAN BERKAITAN AKTIVITI JUALAN DURIAN DITERIMA KPDNHEP

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengalu-alukan kerjasama diberikan peniaga buah durian untuk terus menjalankan aktiviti perniagaan secara jujur.

Timbalan Menterinya Datuk Rosol Wahid berkata, peniaga durian perlu beretika dan tidak mengambil kesempatan dengan melakukan manipulasi harga mahu pun timbangan.

Katanya, peniaga juga disarankan menggunakan alat timbangan yang bersesuaian dalam urusan penjualan durian.

"Kepentingan pengguna dan ekosistem peniaga adalah keutamaan kami di KPDNHEP.

"Sokongan serta kerjasama semua pihak amat diperlukan.

"Setiap kali musim durian tiba, memang kita akui pelbagai aduan diterima oleh KPDNHEP berkaitan aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh peniaga durian," katanya.

Menurutnya, anggota penguatkuasa KPDNHEP sentiasa mengadakan pemeriksaan dan dari 1 Januari hingga 19 Jun lalu, sebanyak 256 pemeriksaan sudah dijalankan.

"Setakat 19 Jun 2022, sebanyak sembilan aduan berkaitan aktiviti penjualan durian diterima.

"Tiada tanda harga, tidak menggunakan alat timbang yang betul dan harga jualan yang terlalu mahal menjadi antara aduan yang diterima oleh Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP," katanya.

Beliau berkata, pemeriksaan yang dijalankan merangkumi elemen seperti meletakkan tanda harga dengan jelas, mempamerkan jenis durian, menggunakan alat timbang yang sesuai dan memastikan alat timbang masih dalam tempoh tentusah.

KURANGKAN SUBSIDI PUKAL ATASI KETIRISAN

Penulis MOHD AZMI ABDUL HAMID
Pengerusi Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN)

Salah satu tujuan subsidi adalah untuk merendahkan atau mengurangkan tekanan harga barangan yang dibayar oleh pengguna atau pembeli.

Dalam pasaran, subsidi pukal atau blanket subsidi dianggap intervensi untuk menurunkan harga demi menjaga kepentingan golongan berpendapatan rendah.

Subsidi pukal biasanya diperuntukkan untuk barangan asas. Apabila pihak kerajaan menguatkuasakan ketetapan harga maksimum (harga siling) untuk barangan terpilih maka harga pasaran lebih terkawal.

Terdapat beberapa lagi jenis atau mekanisme subsidi, antaranya subsidi dari segi barang seperti subsidi baja kepada petani atau subsidi diesel kepada nelayan.

Banyak kajian termasuk dari Universiti Cambridge yang menyatakan subsidi tunai terus kepada golongan sasaran adalah yang terbaik dalam mengurangkan ketirisan. Ketirisan boleh dalam bentuk yang tidak layak pun nikmati subsidi apalagi penyelewengan dan kebocoran dari segi salahguna, manipulasi dan penyeludupan.

Sungguhpun demikian, dalam sistem pasaran, subsidi boleh membawa implikasi terhadap bekalan yang tidak menentu jika kos pengeluaran meningkat dan penyaluran subsidi tidak diurus dengan baik.

Tujuan subsidi adalah untuk meringankan kos sara hidup rakyat terutama golongan B40. Kos sara hidup yang perlu dikawal tertumpu kepada makanan, utiliti, kesihatan, pendidikan, perumahan dan pengangkutan.

Senarai ini dianggap keperluan asas. Jika kos pengeluaran yang disenaraikan itu meningkat, biasanya kerajaan akan mencari jalan apakah mekanisme yang sesuai dalam penyaluran subsidi.

Apapun, syarat utama ialah jika kewangan kerajaan mengizinkan. Sebaliknya jika kewangan kerajaan terlalu terbeban, subsidi perlu disemak semula.

Subsidi pukal disalurkan oleh kerajaan dengan cara membayar sebahagian kos pengeluaran secara langsung kepada pengusaha yang mengeluarkan barang seperti penanam, penternak atau pemeroses. Dengan subsidi pukal, pengeluar diharap dapat menstabilkan bekalan dan menurunkan harga di semua peringkat rantai tanpa mengganggu margin keuntungan yang munasabah. Akan tetapi apabila kos pengeluaran meningkat seperti kos input dan tenaga buruh, subsidi mungkin tidak mampu menampung sebahagian kos pengeluaran. Perbekalan akan terjejas dan kos pengeluaran terus meningkat. Apatah lagi jika input pengeluaran melibatkan import dari luar.

Dalam keadaan inilah situasi pasaran berdepan dengan persimpangan. Bekalan tidak stabil manakala subsidi tidak dapat ditambah atau diteruskan kerana beban ke atas bajet negara akan meningkat.

Natijahnya, kerajaan terpaksa mencari jalan keluar sama ada menambah subsidi atau subsidi dihentikan atau subsidi diurus secara bersasar. Pengumuman kerajaan yang terbaharu bahawa mulai 1 Julai 2022 harga siling baru ayam akan diumumkan menunjukkan harga pengeluaran yang telah meningkat dan subsidi harus dikaji semula. Dijangka harga akan naik sedikit, tetapi rakyat harus bersyukur kerana kerajaan mendengar pandangan semua pihak termasuk rakyat dan meneruskan kawalan harga sumber protein utama Keluarga Malaysia itu.

Walaupun demikian, pihak berkuasa perlu bekerja keras untuk memantau agar tidak berlaku pencatutan iaitu peniaga mengambil kesempatan untuk meraih keuntungan berlebihan melalui harga yang tidak munasabah. Lebih-lebih lagi barang-barang yang dihasilkan dari ayam.

Kita tidak mahu sejarah berulang. Harga gula naik satu masa dahulu, harga minuman naik tidak masuk akal seolah-olah 1kg gula digunakan untuk menghasilkan satu gelas atau cawan minuman.

“Mulai 1 Julai 2022 harga siling baru ayam akan diumumkan menunjukkan harga pengeluaran yang telah meningkat dan subsidi harus dikaji semula.”

Di samping itu, sindiket kartel perlu dibendung agar persaingan sihat menjadi amalan perniagaan di Malaysia yang akhirnya akan menguntungkan pengguna dari segi harga dan bekalan.

Isu global

Isu kenaikan harga barang sebenarnya sudah global dan sepanjang zaman sifatnya. Bekalan dalam negara sememangnya dapat menampung keperluan domestik, namun kebergantungan bekalan kepada import dari luar menjadikan keadaan bertambah rumit.

Pertama, negara pengeksport kini menghadkan eksport kerana faktor perubahan iklim dan konflik yang tercetus di beberapa negara pengeluar.

Kedua, harga import berlipat kali ganda kerana nilai pertukaran mata wang ringgit yang merosot dan permintaan yang meningkat dari negara-negara pengimport seperti negara kita. Dalam erti kata lain, ekonomi negara kini tersepit.

Memang benar, pihak kerajaan telah berusaha untuk melaksanakan Dasar Pertanian Negara

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERAJAAN TERPAKSA KURANGKAN SUBSIDI PUKAL SECARA BERPERINGKAT KERANA KETIRISAN

YANG TIDAK LAYAK LEBIH BANYAK MENIKMATI SUBSIDI PUKAL

WARGA ASING TURUT MENIKMATI SUBSIDI PUKAL

PENINGKATAN KES SALAH GUNA DAN PENYELEWENGAN (PENYELUDUPAN)

BEBAN KEWANGAN KERAJAAN MENINGKAT

SUBSIDI PUKAL ialah subsidi yang diberikan untuk mengurangkan harga barangan tersebut di pasaran

- BERAS
- TEPUNG GANDUM KEGUNAAN AM
- MINYAK MASAK
- GAS PETROLEUM CECAIR (LPG)
- PETROL RON95
- PETROL DIESEL

Pemberian subsidi terus kepada golongan sasar secara tunai adalah lebih adil untuk mengurangkan ketirisan - Kajian University Cambridge

f t i k KPDNHEP

dan Dasar Jaminan Makanan yang mapan.

Akan tetapi, oleh kerana Malaysia adalah negara perdagangan (*trading nation*), perubahan di peringkat ekonomi global turut menjejaskan pelaksanaan dasar-dasar tersebut.

Kini, pertanian berasaskan makanan menjadi penting dan perlu diutamakan kerana ianya akan menggugat sekuriti dan kedaulatan makanan negara. Malaysia yang sebelum ini menumpukan kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan, kini harus kembali memberi tumpuan kepada pertanian makanan.

Subsidi perlu disemak semula terutama subsidi pukal kerana ketirisan yang besar dan membazirkan khazanah negara edangkan pengeluaran dan bekalan perlu stabil. Kawalan harga mungkin tidak relevan dan pasaran harus dibenarkan untuk melaraskan harga berdasarkan bekalan.

Namun, dengan Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan, Akta Perlindungan Pengguna dan Akta Persaingan, kerajaan harus memastikan tiada elemen pancatutan, tiada sorokan barang keperluan dan tiada monopoli serta kartel yang menggugat harga di pasaran.

Pihak kerajaan perlu menyemak semula skim subsidi yang selama ini dilaksanakan. Bajet berbilion ringgit untuk subsidi perlu disalurkan secara strategik dan tepat terutama untuk pembangunan negara dan rakyat.

Sementara itu, peniaga perlu sama-sama mainkan peranan dan tidak mengambil kesempatan dengan meningkatkan harga sewenang-wenangnya. Budaya berniaga yang beretika sangat diperlukan untuk membangunkan ekonomi yang lestari dan mapan.

Pengguna pula tidak mempunyai pilihan melainkan benar-benar mengamalkan kepenggunaan bermaklumat, bijak dan berwaspada. Jika perlu, pengguna harus membuat perubahan atau pelarasan dalam gaya hidup mereka termasuk menggunakan hak untuk memilih dan kuasa beli mereka untuk mempengaruhi harga di pasaran.

JENIS-JENIS SUBSIDI

BARANG

- SUBSIDI BENIH
- SUBSIDI BAJA
- SUBSIDI HARGA DAN PENGELUARAN PADI
- SUBSIDI BAJA PADI HUMA
- SUBSIDI DIESEL NELAYAN

SUMBER HARIAN METRO 29/10/2021.

CASH / TUNAI

Tunai: Deposit ke dalam Akaun, e-Dompet

- BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM)
- EPemula
- SIP Gig
- SUBSIDI PEMBELIAN KERUSI KESELAMATAN
- PAS MyRAILS
- My50
- BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN

BRIM BSHR BKM

SUMBER MOF

PUKAL (HARGA BARANG)

- BERAS
- TEPUNG GANDUM KEGUNAAN AM
- MINYAK MASAK
- GAS PETROLEUM CECAIR (LPG)
- PETROL RON95

KERAJAAN TANGGUNG KOS PENGANGKUTAN BAGI BARANGAN TERSEBUT KE LUAR BANDAR / PENDALAMAN AGAR PENDUDUK LUAR BANDAR DAPAT MENIKMATI HARGA YANG SAMA DENGAN MEREKA DI BANDAR. (PROGRAM PENYERAGAMAN HARGA)

Golongan Sasar dan Golongan Tidak Layak termasuk Bukan wargangara turut menikmati

Terus Kepada Golongan Sasar

f t i k KPDNHEP

DITERBITKAN OLEH:

Unit Komunikasi Korporat

2022@YT.AZ